

PEMBERITAHUAN
PEMBAHARUAN LESEN PERNIAGAAN & IKLAN TAHUN 2026
MULAI 1 OKTOBER 2025 HINGGA 31 DISEMBER 2025

1. Bagi pembaharuan lesen perniagaan dan iklan, pelesen perlu memastikan premis perniagaan mereka **tiada tunggakan cukai harta**. Semakan tunggakan boleh dibuat melalui laman sesawang ‘e-khidmat’, kemukakan bil cukai harta semasa atau semakan oleh petugas kaunter setempat.
2. Selaras dengan pelaksanaan tempoh sah lesen perniagaan dan iklan secara ‘date to date basis’, pelaksanaan pembaharuan lesen untuk tahun 2026 boleh dibuat **seawal tiga (3) bulan sebelum tarikh tamat tempoh lesen tahunan** tanpa dikenakan sebarang penalti kelewatan pembaharuan lesen melalui cara berikut:
 - i. **Kaunter Setempat Menara MBJB, Aras 3, Menara MBJB**, No. 1. Jalan Lingkaran Dalam, Bukit Senyum, 80300 Johor Bahru;
 - ii. **Kaunter cawangan Johor Jaya**; atau
 - iii. **Pembaharuan secara atas talian di laman ekhidmat.my (<http://johor.ekhidmat.my/ekhidmat/>)**.
3. **Penalti kelewatan pembaharuan lesen** akan dikenakan keatas pemilik lesen **sepertimana jadual dilampirkan**.
4. Setiap bayaran lesen yang telah dijelaskan kepada pihak Majlis tidak boleh dituntut semula sebagaimana peruntukan dalam Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan & Perindustrian (MBJB) 2016 sedia ada dalam UUK 7.
5. Lesen akan dibatalkan sekiranya pemilik lesen gagal menjelaskan pembaharuan lesen bagi tahun 2026 mengikut tempoh ditetapkan, merujuk kepada Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MBJB) 2016.
6. Semua premis perniagaan yang ada menggunakan petak letak kereta di hadapan premis akan dikenakan caj penggunaan petak letak kereta. Pembayaran hendaklah dijelaskan ketika pembaharuan lesen dibuat di Kaunter Setempat Menara MBJB atau Kaunter Cawangan Johor Jaya dan boleh juga menggunakan aplikasi MBJB SPOT V2.
7. Bagi aktiviti perniagaan yang dibawah, perlu membuat permohonan pembaharuan lesen perniagaan & iklan terlebih dahulu ke Jabatan Pelesenan Majlis Bandaraya Johor Bahru sebelum pemeriksaan ke atas premis dilakukan:
 - i. Rawatan tradisional/urut tradisional
 - ii. Urut kaki (refleksologi)
 - iii. SPA

8. Peniaga hendaklah menggunakan alternatif bekas terbiodegradasi dan tidak menggunakan polisterina dalam proses pembungkusan makanan serta pemberian penyedut minuman (straw) plastik hanya berdasarkan permintaan pelanggan. Digalakkan untuk tidak menawarkan penggunaan plastik sekali guna dalam urusan penjualan.

Adalah menjadi satu kesalahan kerana melanggar syarat lesen dan boleh dikenakan tindakan di bawah UUK13(2) Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MBJB) 2016.

9. Bagi pembayaran secara atas talian di ekhidmat.my, lesen boleh diterima secara pos atau diambil di kaunter Jabatan Pelesenan, Menara MBJB selepas 14 hari pembayaran telah dibuat.

Sila layari laman sesawang MBJB di www.mbjb.gov.my, emel jabatan di pelesenan@mbjb.gov.my atau hubungi 07-2198293, 07-2198149, 07-2198294, 07-2198295, 07-219 8296, 07-219 8297 untuk keterangan lanjut.

MAKLUMAN

Kegagalan memperbaharui lesen mengikut tempoh yang ditetapkan akan menyebabkan lesen perniagaan dan iklan dibatalkan. Pemilik lesen perlu membuat permohonan baharu berserta dokumen yang diperlukan.